

Pemandangan Sepintas Lalu Melawat ke Tanah Suci

(Oleh: Edrus)

(I)

Buat kali yang ketiga - *al-hamduli 'Lāh* – pada 4 haribulan Dhu al-Hijjah 1385 Hijriah, saya dapat belayar sekali lagi menuju ke Makkah dengan menaiki kapal terbang biasa. Negeri yang pertama saya singgahi ialah Bangkok, kemudian Karachi dengan kapal terbang K. L. M. dan kemudian berangkat dari Karachi menuju Bahrain dengan kapal terbang B. O. A. C. sebelum sampai ke Bahrain kapal terbang itu singgah di Doha. Dari Bahrain – setelah berhenti di sana lebih kurang empat jam – baharulah terbang menuju ke Dhahran.

Sebelum berangkat dari Dhahran itu saya telah meminta ketentuan syarikat kapal terbang supaya masa belayar dari Dhahran ke Jeddah hendaklah ditentukan, kerana saya telah mendengar bahawa dalam musim haji banyak kepayahan-kepayahan yang bakal dihadapi oleh penumpang-penumpang kapal terbang mengenai pelayaran mereka dari Dhahran ke Jeddah. Saya telah diberi akuan bahawa saya akan boleh terbang ke Jeddah pada hari yang ditentukan, tetapi jamnya tidak ditetapkan.

Tatkala berangkat dari Doha ada beberapa orang penumpang bangsa Pakistan naik menumpang kapal terbang itu menuju ke Bahrain dengan tujuan hendak pergi ke Makkah menunaikan fardu haji. Di antara mereka itu ada empat orang laki-laki dan lima orang perempuan, mereka kesemuanya menggunakan *passport* Pakistan, dan di dalam *passport* itu mereka hanya dibenarkan membawa wang tunai sebanyak lima *pound* sahaja – lebih kurang 65 rupiah Pakistan - di dalam *passport* mereka belum ada bayaran cukai-cukai haji

yang mesti dibayar tatkala hendak masuk ke tanah Saudi Arabia di dalam musim haji itu.

Rupanya orang-orang ini ialah dari golongan mereka-mereka yang cuba hendak pergi menunaikan haji dengan tidak mendapat keizinan dari pemerintah mereka. Menurut peraturan setiap orang Pakistan yang hendak pergi haji wajiblah di atasnya meminta izin dari pihak kerajaan untuk mengawal tukaran-tukaran wang di luar negeri. Menurut riwayat yang saya dapati, mereka itu cuba berhubung dengan orang-orang yang berada di luar negeri dengan mengirim wang secara sulit, dan terkadang-kadang dengan cara mengatakan bahawa mereka ada mempunyai saudara mara di Dhahran yang mana kelak membelanjai mereka dalam masa mereka menunaikan fardu haji.

Apabila pegawai *Immigration* di Bahrain meminta mereka membayar cukai haji sebanyak 45 riyal tiap-tiap seorang, maka setengah daripada mereka itu tidak dapat mengadakannya, dan setengahnya dapat mengadakan bayaran tersebut; rupanya ada di antara mereka itu yang tidak ada mempunyai wang satu sen pun, dan tujuan mereka kalau sudah sampai di Makkah nanti mereka akan menjadi pengemis meminta-minta kepada orang ramai untuk dijadikan perbelanjaan hidup mereka atau ada jalan yang lain lagi.

Setengah daripada mereka-mereka yang sudah dapat membayar cukai haji itu berasa lapanglah hati masing-masing kerana akan dapat meneruskan pelayaran ke Dhahran; tetapi kiranya ada halangan yang lain tiba. Beberapa saat sebelum masa kapal terbang berangkat maka tiap-tiap penumpang yang hendak pergi

ke Dhahran kerana menunaikan haji itu hendaklah menunjukkan dalam *passport* mereka bahawa mereka ada mempunyai wang tunai atau seumpamanya (*travelling cheque*) sekurang-kurangnya 1200 rupiah; kalau mereka tidak mempunyai wang sebanyak tersebut maka mereka tidak akan dibenarkan belayar, sekali pun ada surat-surat keterangan dan surat-surat pelayaran yang cukup.

Peraturan ini dibuat kerana kerajaan Saudi Arabia pada masa-masa yang lalu telah banyak mengalami kesulitan daripada orang-orang haji yang tidak mempunyai wang perbelanjaan sewaktu mereka tiba di Makkah. Mereka terkadang-kadang menjadi pengemis meminta-minta dan ada kalanya mereka berani melakukan sesuatu perbuatan yang tidak diinginkan seperti mencuri, merampas dan sebagainya. Dengan adanya peraturan ini maka nampak jelas perbezaannya di dalam musim haji tahun ini tersangat sedikit orang-orang yang meminta-minta sedekah daripada tahun-tahun yang lalu. Kerajaan mereka tentunya tidak mahu memikul tanggungjawab terhadap orang-orang yang datang menunaikan fardu haji dengan jalan yang tidak sah di sisi undang-undang negeri itu. Akhirnya segala kesulitan dan kesusahan-kesusahan mereka itu terpaksa ditanggung oleh kerajaan Saudi Arabia.

Sebagaimana yang telah ditetapkan bahawa kapal terbang dari Bahrain yang saya tumpangi sampai ke lapangan terbang Dhahran tepat pada waktunya. Saya lihat lapangan terbang Dhahran itu sememang cantik dan besar serta luas, bangunannya *modern*. Penumpang-penumpang pun diturunkan satu persatu, kemudian *passport* dan segala surat-surat keterangan yang lain pun diperiksa serta nama *mutawwif* (shaykh-shyakh) siapa yang hendak dimasuki ke Makkah juga ditanya. Kesemua *passport-passport* penumpang kapal terbang itu ditahan dan penumpang-peumpang diberitahu bahawa *passport-passport* mereka akan diserahkan kembali ke tangan masing-masing setelah sampai di Jeddah kelak.

Barang-barang juga diperiksa oleh Jabatan Kastam, kerana saya adalah orang yang paling akhir sekali turun dari kapal terbang itu, maka pejabat Kastam bertanya *passport* saya, sesudah saya nyatakan bahawa *passport* saya berada di tangan *Immigration*, ia pun naik ke pejabat itu, dan tidak berapa lama kemudian daripada itu ia pun turun kembali. Barang kali ia mengetahui bahawa saya seorang wartawan, maka barang-barang saya diperiksa jangan tidak sahaja.

Kemudian barang-barang saya itu disuruh angkat dibawa ke tempat bahagian kapal terbang Saudi Arabia, setibanya di sana saya dapati ada banyak barang-barang kepunyaan orang lain; rupanya sudah banyak penumpang-penumpang yang menunggu di sana. Di situ saya lihat ada sebuah “kaunter” tempat wakil kapal terbang Saudi Arabia itu. Di atasnya tergantung sekeping papan yang bertulis “Tempat Bertanya Maklumat-maklumat”, tetapi apabila ditanya tentang sesuatu maka jawapan yang diberi bahawa kaunter itu akan dibuka pada sebelah petang. Sewaktu saya bertanya di mana tempat pendaftaran?; Tidak ada jawapan; Pekerja-pekerja di situ hanya membisukan diri buat acuh tak acuh sahaja akan segala pertanyaan yang dikemukakan oleh penumpang-penumpang.

Rupanya bukan saya seorang sahaja yang menerima layanan seperti itu, tetapi boleh dikatakan kesemua penumpang-penumpang yang bersama-sama dengan saya juga menerima layanan yang seumpama itu. Beberapa orang doktor dan peguam kemudiannya bercerita kepada saya tentang kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi. Ada seorang sahabat baru saya yang berasal dari Afghanistan namanya tuan Fayandah Muhammad Mili; dia adalah sebagai seorang pengarah dari syarikat Pembahagian kerajaan Afghanistan. Saya lihat dia selalu termenung sahaja dari sejak semalam lagi kerana belum mendapat ketentuan masa belayarnya. Beliau sangat bersusah hati memikirkan hal itu; Tetapi mujurnya

saya dapat berkenalan dengan seorang doktor dari Pakistan yang berasal dari Xinjiang. Doktor Pakistan inilah yang mula-mula memperkenalkan saya kepada tuan pengarah dari Afghanistan itu, dan kami bertiga pun berseloroh menghilangkan kerunsingan. Akhirnya pegawai dari Afghanistan itu bercerita bahawa beliau telah banyak melawat negara-negara di dalam dunia ini, tetapi belum pernah menerima layanan seperti ini. Buat saya, saya cuba bersabar.

Degan tidak semena-mena saya berjumpa dengan seorang pemuda peranakan Arab berasal dari tanah Jawa yang bermastautin di Dhahran. Pemuda itu bertanya apakah saya sudah mendaftarkan nama? Saya mengatakan belum. Dengan panduannya baharulah saya mengetahui rupanya ada lagi pejabat kapal terbang Saudi Arabia di tingkat atas. Dengan pertunjukan dari pemuda tersebut, maka saya pun dengan segera mendaftarkan nama saya, sekali pun hari sudah sangat petang. Sata tunjukkan tiket saya, dan saya tunjukkan juga naskhah pengakuan yang saya diakui akan diberi tempat untuk belayar pada hari itu. Jawapan yang diberikan pada mulanya sangat tidak menyedapkan hati. Tetapi setelah saya mendesak bahawa dengan adanya surat pengakuan itu saya baharu mahu berangkat ke Jeddah melalui Dhahran, maka dikala itu baharulah saya diberi akuan akan disediakan tempat di kapal terbang yang akan bertolak ke Jeddah pada hari itu, tetapi masanya belum dapat ditentukan lagi.

Ringkasnya, pada pukul sepuluh malam baharulah 'kaunter' tempat mengeluarkan tiket dibuka. Apabila 'kaunter' itu dibuka sahaja, maka orang yang seramai 400 orang itu pun menderu menerkam ke tempat itu, penuh sesak menunggu-nunggu nama mereka dipanggil. Malangnya di situ tidak ada pembesar suara dan dengan sebab itu kerana riuuhnya suara manusia, maka panggilan-panggilan nama yang dilaungkan oleh

pegawai kaunter itu tidak berapa kedengaran. Orang-orang yang dipanggil dikehendaki membawa barang-barang mereka sekali untuk ditimbang, dan perkiraan dibuat di situ juga, dengan cara ini tentulah urusan-urusan yang dijalankan itu menjadi lambat.

Akhirnya saya ketahui bahawa pelayaran pada malam itu dibahagi kepada lima rombongan – ertinya lima buah kapal terbang yang akan berangkat membawa penumpang-penumpang ke Jeddah – lebih kurang pukul dua pagi baharu saya dapat menaiki kapal terbang.

Kapal terbang mulai berangkat naik ke udara, tetapi baharu kira-kira lima belas minit terdengar suatu pengumuman menyatakan bahawa kapal terbang ada sedikit kerosakan dan terpaksa berbalik semula ke Dhahran. Kami berasa khawatir kerosakan itu akan membahayakan jiwa kami, tetapi *al-hamduli 'Lāh* kapal terbang itu turun di lapangan terbang Dhahran dengan keadaan selamat. Setelah diperbaiki lebih kurang satu jam baharulah kami berangkat semula, dan sampai di lapangan terbang Riyadh pada waktu Subuh.

Kapal terbang berhenti di Riyadh kerana mengisi minyak. Kami tidak dibenarkan turun di lapangan terbang, kira-kira setengah jam kemudian dari itu baharulah kapal terbang itu berangkat menuju ke Jeddah. Selepas kapal terbang berada di udara kami diberi sekotak makanan – tidak seperti kapal terbang-kapal terbang lain makanan ditaruk di dalam pinggan beralas dulang – pelayannya seorang pemuda Arab – tidak pula seorang wanita seperti biasa kita lihat di dalam kapal terbang-kapal terbang lain.

Sewaktu dalam pelayaran itu saya pun bertanya kepada seorang pegawai itu mengenai *passport* kami, ia menyatakan *passport-passport* itu akan diberikan kepada penumpang-penumpang manakala mereka sampai ke Jeddah nanti.

Lebih kurang pukul 9 pagi kapal terbang yang kami tumpangi itu mendarat di lapangan terbang Jeddah. Rombongan¹

¹ Bersambung di muka surat 17.